

**KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH
AKTA PENYAKIT BERJANGKIT PENGGAL 204**

Bab 71 di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 memperuntukkan bagi Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan di bawah Akta berkenaan iaitu: “*Ketua Pengarah boleh mengkompaun kesalahan di bawah Akta (Penyakit Berjangkit) atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dengan menerima dari orang yang disyaki melakukan kesalahan itu sejumlah wang tidak melebihi \$5,000.*”

Kadar kompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 ialah seperti berikut,

Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204	Kadar kompaun	
	Kesalahan pertama (BND)	Kesalahan seterusnya
Bab 15(4) dan Bab 15(5) Pengasingan orang-orang tertentu	\$500	Dibawa ke mahkamah
Bab 16(2) Pengawasan (<i>Surveillance</i>)	\$200	Dibawa ke mahkamah
Bab 17(5) Tempat pengasingan	\$500	Dibawa ke mahkamah
Bab 18(2) Pengurangan keramaian orang (<i>Abatement of crowding</i>)	\$100 bagi individu	Dibawa ke mahkamah
Bab 20(2) Larangan perjumpaan, perhimpunan dan hiburan awam	\$100 bagi individu \$2000 bagi penganjur/pengurus acara	Dibawa ke mahkamah

Bab 21(4) Kawalan perdagangan, pekerjaan atau perniagaan	\$200	Dibawa ke mahkamah
Bab 56(8) Kuasa Ketua Pengarah dan pegawai kesihatan dalam menangani wabak dan disyaki wabak penyakit berjangkit	\$2000 for pengurus tempat tertentu	Dibawa ke mahkamah
Bab 62A(2) Kuasa Menteri dalam keadaan tertentu	Sehingga \$5000	Dibawa ke mahkamah
Bab 68(a) Menghalang orang yang melaksanakan kuasa di bawah Akta	Sehingga \$2000 bagi individu; \$2000 bagi pengurus tempat tertentu	Dibawa ke mahkamah
Peraturan-Peraturan Penyakit Berjangkit (Kuarantin) Rg 1		
Peraturan 24(a) dan (b) Kemasukan orang di negara tanpa vaksinasi	\$200 bagi individu	Dibawa ke mahkamah
Peraturan 49 Kesalahan mengenai dokumen	Dibawa ke mahkamah	Dibawa ke mahkamah